

02/06/2004

Azman kaji semula strategi Khazanah

By Azli Ayob

AZMAN Mokhtar memulakan tugasnya sebagai pengarah urusan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) semalam dengan mengambil tindakan segera mengkaji semula strategi dan hala tuju agensi pelaburan kerajaan itu bagi menjadikannya sebuah syarikat pelaburan terbesar dan paling dinamik di rantau ini.

Antara lain kajian itu akan membabitkan objektif strategik, analisis pemegang saham, prosedur pematuhan dan tadbir urus korporat, kedudukan pelaburan dan kewangan serta operasi pelaburan dan kawalannya.

Ia juga turut membabitkan penyusunan semula struktur organisasi dan keperluan sumber manusia.

Khazanah dalam satu kenyataan semalam berkata, kajian semula itu akan dilaksanakan menerusi perbincangan dengan pemegang saham, ahli lembaga pengarah dan exco, pegawai kanan kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, rakan perniagaan, perunding dan penasihat, masyarakat perniagaan antarabangsa, pemimpin korporat dan ahli masyarakat.

"Matlamat utama proses itu ialah untuk mendapatkan garis panduan meluas mengenai hala tuju strategik Khazanah serta struktur organisasi, cara dan modal sumber manusia yang diperlukan untuk menyokong wawasan itu.

"Kajian semula itu akan dilakukan dalam tempoh waktu yang singkat untuk dilulus dan ditentukan oleh lembaga pengarah," katanya.

Kenyataan Khazanah itu turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Pengarah Urusannya, Datuk Anwar Aji dan bekas ahli lembaga pengarahnya lain termasuk Tan Sri Sheriff Kassim, Datuk Mohamad Hasan, Tan Sri Samsudin Hitam, Datuk Zaharaton Raja Zainal Abidin, Che Khalib Mohamad Noh dan terutama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi antara pengasas Khazanah pada 1994 dan penggerak sehingga menjadikannya jentera pelaburan utama kerajaan.

Katanya, Khazanah juga berterima kasih kepada Anwar kerana bersetuju untuk kekal sebagai pengarah di beberapa syarikat yang mana agensi itu adalah pemegang saham utama.

Sementara itu, Azman dalam kenyataan Khazanah itu berkata, lembaga pengarah Khazanah akan bekerjasama bagi merealisasikan strategi dan wawasan agensi itu dalam memacu pembangunan negara dan mewujudkan daya saing pada peringkat antarabangsa dalam tempoh jangka panjang.

"Ini adalah satu tugas dan tanggungjawab berat yang harus dipikul demi kepentingan pemegang saham Khazanah iaitu generasi Malaysia yang lalu, kini dan akan datang," katanya.

Azman dilantik menerajui Khazanah pada 14 Mei lalu, sejajar dengan langkah kerajaan untuk menjadikan agensi itu lebih dinamik dan berdaya saing.

Pelantikan bekas Pengarah Urusan BinaFikir Sdn Bhd itu adalah untuk tempoh tiga tahun.

Susulan pelantikan itu, kerajaan turut mengumumkan beberapa perubahan dalam pengurusan tertinggi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Perubahan itu menyaksikan pelantikan Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan, United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM), Datuk Abdul Wahid Omar sebagai Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, manakala Pengarah Urusan yang juga Ketua Eksekutif KUB (Malaysia) Bhd, Che Khalib Mohamad Noh sebagai ketua eksekutif TNB, berkuat kuasa 1 Julai.

Berikutan pelantikan Abdul Wahid sebagai ketua eksekutif Telekom Malaysia, Kumpulan UEM semalam mengumumkan pelantikan Ahmad Pardas Senin

sebagai pengarah urusan dan ketua eksekutif baru Kumpulan UEM dan UEM World berkuat kuasa 1 Julai 2004.

Ahmad Pardas ketika ini adalah Pengarah Eksekutif Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra), iaitu sebuah anak syarikat Khazanah.

Ahmad Pardas yang dipinjamkan kepada Silterra sejak setahun lalu mula berkhidmat dengan kumpulan UEM pada 1992 sebagai Pengurus Besar Kewangan di Renong Bhd yang kini dikenali sebagai UEM Land Sdn Bhd.

Sementara itu, Telekom Malaysia dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam turut mengumumkan perubahan lembaga pengarahnya termasuk pelantikan Azman dan Ahli Parlimen Pulau Datuk Nur Jazlan Mohamed sebagai pengarahnya, manakala Rosli Man dilantik semula menganggotai lembaga pengarah syarikat itu.

Penyusunan semula itu turut menyaksikan peletakan jawatan Datuk Dr Munir Abdul Majid sebagai pengarah dan pengerusi jawatankuasa audit dan Tan Poh Keat sebagai pengarah Telekom Malaysia.

Munir kini dilantik sebagai pengarah Penerbangan Malaysid (MAS).

(END)